



Wahyu 1





Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to
this comic book as provided by United
States copyright law.

Print and digital copies of this version may
be freely distributed without penalty under
a Creative Commons license.

TAHUN 95M – ENAM PULUH TAHUN SETELAH
KEMATIAN DAN KEBANGKITAN YESUS KRISTUS.



RASUL PETRUS TELAH DISALIBKAN DI ROMA –
BANYAK YANG MENGATAKAN BELIAU
DISALIBKAN TERBALIK.



AKU TIDAK
LAYAK DISALIBKAN
SEPERTI TUHANKU
YESUS.

BAIKLAH.

RASUL PAULUS TELAH DIPENGAL
AKIBAT PENGANIAYAAN MAHARAJA NERO.



RASUL YOHANES TELAH DIBUANG KE
DALAM TONG MINYAK YANG MENDIDIH -
TETAPI TERSELAMAT DENGAN AJAIB.



SEORANG MAHARAJA
BARU TELAH
MENAIKI TAKHTA.

NAMANYA DOMITIANUS –
DAN SAMA SEPerti BANYAK
MAHARAJA YANG SEBELUMNYA –
DIA AMAT KEJAM.

DIA KEMUDIAN, MENGUATKUSAKAN
DOMIMUS ET DEUS – AJARAN SESAT
YANG MENYEMBAH MAHARAJA.



SEMUA ORANG HARUS MEMPERSEMBAHKAN KEMENYAN
DAN MENGAKUI BAHWA MAHARAJA ITU TUHAN.

--NAMUN ADA SATU
KELOMPOK YANG TIDAK MAHU
MENURUT PERINTAH INI.



PERSEMBAHKAN –
SEKARANG!

YESUS
KRISTUSLAH
SATU-SATUNYA
TUHAN.

BAWA DIA KE
ARENA – BIARLAH DIA
MENGAKUI ITU –
DI HADAPAN
SINGA-SINGA.

DIA AKAN
DIBUNUH AKIBAT
PENGKHIANATAN
INI.



KEMATIAN BAGI
SEMUA ORANG
KRISTIAN!

YA, MEMANG PATUT –
ORANG-ORANG BODOH
YANG PERCAYA BAHAWA
ORANG MATI HIDUP
KEMBALI.

BERIBU-RIBU PENGIKUT KRISTUS DIBUNUH
SEBAGAI HIBURAN DI ARENA YANG TERKENAL ITU.

UNTUK SEGALA MALAPETAKA YANG TERJADI –
KEBULURAN, WABAK ATAU GEMPA BUMI –
MAHARAJA ITU AKAN MENYALAHKAN ORANG
KRISTIAN.



NAMUN KEHILANGAN PEMIMPIN MAHUPUN
PENGANIAYAAN NEGERI TIDAK MAMPU MEMADAMKAN
IMAN PARA PENGIKUT KRISTUS.

WALAU BAGAIMANAPUN,
BILANGAN PENGIKUT KRISTUS
TERUS BERTAMBAH.



SEBAGAI SATU LANGKAH UNTUK
MENGHENTIKAN INI, MAHARAJA
DOMITIANUS BERTINDAK MEMBUANG
PEMIMPIN MEREKA, YOHANES –
SATU-SATUNYA MURID YESUS YANG
MASIH HIDUP.



YOHANES TELAH DIBUANG NEGERI KE
PULAU PATMOS DI LUAR PANTAI YUNANI.
DIA PERCAYA YOHANES TIDAK MUNGKIN
DAPAT MEMIMPIN ATAU MEMPENGARUHI
ORANG-ORANG KRISTIAN.

TERBUANG DI PATMOS – YOHANES TINGGAL DI
SEBUAH GUA DAN MENANTIKAN KEMATIANNYA –
ATAU PERJANJIAN KEPULANGAN KRISTUS.



TETAPI DI PULAU TERPENCIL DAN BERANGIN INILAH
DI MANA YESUS MENUNJUKKAN DIRINYA – DAN MASA
DEPAN UMAT MANUSIA – KEPADA RASUL YOHANES.



MELALUI WAHYU ILAHI, TUHAN MEMBUKA TIRAI
MASA DEPAN DAN MENUNJUKKAN PENGAKHIRAN
KISAH ALKITAB YANG AGUNG KEPADA YOHANES...

...BUKU TERAKHIR ALKITAB –
BUKU WAHYU.



SEPERTI BIASA, SETIAP SABAT – YOHANES
MELUANGKAN MASA MENYEMBAH TUHAN.

TETAPI HARI TUHAN INI
AGAK BERBEZA...



YOHANES MENDENGAR
SUARA YANG KUAT, SEPERTI
BUNYI TROMPET...

TULISKANLAH
APA YANG ENKKAU LIHAT
DAN KIRIMLAH KITAB INI
KEPADA JEMA'AH DI TUJUH
BUAH KOTA BERIKUT: EFESUS,
SMIRNA, PERGAMUS, TIATIRA,
SARDIS, FILADELFA, DAN
LAODIKIA.



YOHANES MENOLEH KE BELAKANG DAN
MELIHAT TUJUH BUAH KAKI PELITA EMAS
DAN SEORANG "SERUPA ANAK MANUSIA."



SEBAGAI MURID YESUS YANG CUKUP RAPAT,
YOHANES BENAR-BENAR TAHU RUPA KRISTUS.
YOHANES KAGUM MELIHAT TUBUH KRISTUS
YANG TELAH BANGKIT ITU BERADA DALAM
KEMULIAAN DAN KEAGUNGAN SYURGAWI.

YOHANES REBAH
SEOLAH-OLAH TIDAK
BERNYAWA LAGI.






JANGANLAH TAKUT!
AKULAH YANG PERTAMA DAN
YANG TERAKHIR. AKULAH
DIA YANG HIDUP. AKU
PERNAH MATI-



- AKU HIDUP SELAMA-
LAMANYA. AKU MEMEGANG
ANAK KUNCI KEMATIAN DAN
ALAM MAUT.



"TULISKANLAH APA YANG KAU LIHAT,
BAIK YANG ADA SEKARANG MAHUPUN
YANG AKAN TERJADI."



ALLAH JUGA MENJANJIKAN BERKAT
ISTIMEWA BAGI MEREKA YANG
MEMBACA BUKU INI...

DIBERKATILAH ORANG YANG MEMBACA KATA-KATA
NUBUAT INI DAN MENDENGARNYA SERTA
MEMATUHI APA YANG TERSURAT DALAMNYA,
KERANA MASANYA SUDAH DEKAT.


KEPADA YESUS YANG
MENGASIHI KITA...

... DAN YANG TELAH
MEMBEBAHKAN KITA
DARIPADA SEGALA DOSA KITA
DENGAN DARAH-NYA...

...SERTA MENJADIKAN KITA
SUATU KERAJAAN, DAN IMAM
BAGI ALLAH DAN BAPA-NYA.
BAGI-NYALAH KEMULIAAN
DAN KEKUASAAN
SELAMA-LAMANYA. AMIN.



DARIPADA YOHANES KEPADA
TUJUH JEMAAH DI ASIA KECIL:



KASIH KURNIA DAN KESEJAHTERAAN
KEPADAMU DARIPADA ALLAH, IAITU DIA YANG
ADA SEKARANG, DAHULU DAN AKAN DATANG...

KRISTUS MEMBERI PESANAN KEPADA SETIAP GEREJA YANG ADA WAKTU ITU, TETAPI PESANAN INI BERLAKU UNTUK SEMUA GEREJA SEPANJANG ZAMAN.

EFESUS MEMPUNYAI PERLABUHAN YANG BESAR DI ASIA KECIL DAN MERUPAKAN TEMPAT PERSINGGAHAN BAGI EMPAT LALUAN PERDAGANGAN UTAMA.



KOTA INI MERUPAKAN PUSAT PENYEMBAHAAN DEWI DIANA. KUIL MEREKA MERUPAKAN SALAH SATU TUJUH KEAJAIBAN DUNIA PURBA.



RASUL PAULUS TELAH MEMULAKAN GEREJA DI SINI. TIMOTIUS DAN RASUL YOHANES TELAH MELAYANI DI SINI.

GEREJA EFESUS TETAP SETIA DAN BENAR SECARA DOKTRIN NAMUN SUDAH MENJADI KURANG MENGASIHI.



AKU TAHU PERBUATANMU, JERIH PAYAHMU DAN KETABAHANMU.

NAMUN AKU MENCELAMU - KAMU TELAH MENINGGALKAN KASIHMU YANG PERTAMA.

BERTAUBATLAH DAN LAKUKANLAH APA YANG KAMU LAKUKAN MULA-MULA DULU.

KEPADA YANG MENANG AKAN KU IZINKAN MAKAN BUAH DARI POKOK HAYAT DI TAMAN FIRDAUS ALLAH.



SMIRNA (IZMIR SEKARANG) TERLETAK DI UTARA EFESUS DAN DIANGGAP SEBAGAI MAHKOTA ASIA - KOTA YANG TERCANTIK.

IA MERUPAKAN PUSAT PENGETAHUAN SAINS DAN PERUBATAN - KESETIAAN PENUH MEREKA KEPADA ROMA MEMBUAHKAN PARA PENYEMBAH MAHARAJA YANG TEGAR.

BAIK ORANG ROMA MAHUPUN YAHUDI AMAT MEMBENCI PARA PENGIKUT KRISTUS.

OH - TERLALU HEBAT UNTUK MEMPERSEMBAHKAN KEMENYAN UNTUK MAHARAJA KITA?

LIHATLAH APA YANG KAMI BUAT KEPADA MEREKA YANG TIDAK SETIA KEPADA RAJA SEBENAR.


PENJARAKAN SAMPAH MASYARAKAT INI - BIARLAH DIA HIDUP BERSAMA TIKUS-TIKUS YANG LAIN. KITA LIHAT BERAPA LAMA DIA DAN KELUARGANYA BOLEH HIDUP TANPA PENGHASILAN.

"AKU TAHU KESENGSARAAN DAN KEMISKINANMU - TETAPI SEBENARNYA KAMU KAYA!"

"JANGANLAH TAKUT TERHADAP APA YANG AKAN KAMU DERITAI KELAK."

"SETIALAH SAMPAI MATI, DAN AKU AKAN MENGANUGERAHIMU MAHKOTA HIDUP."

"MEREKA YANG MENANG TIDAK AKAN MENGALAMI SENGSA KEMATIAN YANG KEDUA."



KEPADA PERGAMUS, PUSAT PENYEMBAHAN
DEWA ASKLEPIOS, BACCHUS DAN ZEUS...



JUGA SEBAGAI PUSAT PENYEMBAHAN
KAISAR, INILAH YANG KRISTUS MAHU
KATAKAN...

"AKU TAHU AKAN TEMPAT KEDIAMANMU. DI
SITULAH IBLIS BERTAKHTA. NAMUN KAMU SETIA
BERPEGANG KEPADA NAMA-KU."



"MALAH KAMU TIDAK MENYANGKAL IMANMU
KEPADA-KU KETIKA ANTIPAS, SAKSI-KU YANG
SETIA, DIBUNUH DI TEMPAT KEDIAMAN IBLIS."



"TETAPI AKU MENCELAMU... ADA DI
ANTARAMU YANG BERDOSA DENGAN MAKAN
MAKANAN PERSEMBAHAN BERHALA SERTA
MELAKUKAN PENCABULAN."

"AKU AKAN MEMBERIKAN SEBAHAGIAN
MANNA YANG TERSEMBUNYI KEPADA
SESIAPA YANG MENANG."

"JUGA AKU AKAN
MEMBERINYA BATU PUTIH
YANG BERTULIS NAMA
BARU, YANG TIDAK
DIKETAHUI OLEH SESIAPA
SELAIN PENERIMANYA."





ADA WANITA DARI GEREJA DI TIATIRA YANG MENGAKU NABIAH DAN MENGATAKAN BAHAWA ORANG BOLEH MELAKUKAN HAL-HAL TIDAK BERMORAL TANPA MENGGANGGU ROH.



HADIAH ALLAH BAGINYA ADALAH SEBUAH RANJANG DI NERAKA.

"AKU AKAN MENGHUKUMNYA KE ATAS RANJANG DENGAN SAKIT TERLANTAR DAN MEREKA YANG BERZINA DENGANNYA AKAN MENANGGUNG KESENGSARAAN YANG DAHSYAT."



DAN SEMUA YANG MENGIKUT DAN MENYEBAR AJARAN DURJANA ITU...

"AKU JUGA AKAN MERAGUT NYAWA ANAK-ANAKNYA."



"KEPADA YANG MENANG DAN MELAKUKAN KEHENDAK-KU SAMPAI AKHIR AKAN KUANUGERAHI KEKUASAAN KE ATAS BANGSA-BANGSA..."

GEREJA DI SARDIS SUDAH MATI – DIPENUNI
DENGAN JEMAAT YANG TIDAK BERTUMBUH.



"NAMA SAHAJA KAMU HIDUP
TETAPI SEBENARNYA MATI."

"BANGUNLAH!"

"TEGUHKANLAH APA
YANG MASIH ADA DAN
HAMPIR MATI..."

"JIKA TIDAK, AKU AKAN DATANG
KEPADAMU SEBAGAI PENCURI.
KAMU TIDAK MUNGKIN TAHU
SAATNYA AKU DATANG."

ADA SEBILANGAN
DARIPADAMU DI SARDIS YANG
TIDAK MENCEMARAKAN
PAKAIAN MEREKA.

MEREKA AKAN
BERJALAN BERSAMA-KU
DENGAN BERPAKAIAN
PUTIH KERANA MEREKA
LAYAK.

KEPADA YANG
MENANG, SEPERTI
MEREKA, AKAN DAPAT
BERPAKAIAN PUTIH
SEPERTI ITU.

"AKU TIDAK AKAN MEMADAMKAN NAMA MEREKA DARI
KITAB HIDUP LALU MENGAKUI MEREKA SEBAGAI MILIK-KU
DI HADAPAN BAPA-KU DAN PARA MALAIKAT-NYA."





GEREJA KEENAM,
FILADELFA ADALAH GEREJA
YANG MEMPERTAHKAN
IMAN MERKA.



KAMU TIDAK BERHAK
BERKATA DEMIKIAN! KAMI
TAHU TUHANLAH YANG TELAH
MEMBERI HUKUM TAURAT
MUSA!

TETAPI YESUS
KRISTUSLAH YANG TELAH
MENGABULKAN HUKUM -
SEPERTI YANG DINUBUAT-
KAN OLEH NABI-NABI.




BAWA DIA PERGI! INI SATU LAGI
PENGIKUT KRISTUS! SINGKIRKAN
MERKA INI DARI KOTA KITA!

AKU TAHU
KEKUATANMU KECIL, TETAPI
KAMU TAAT KEPADA FIRMAN-KU
DAN TIDAK PERNAH
MENYANGKAL NAMA-KU.



"KEPADA JEMAAH IBLIS,
PARA PENDUSTA YANG BUKAN
YAHUDI TETAPI MENGAKU DIRI
ORANG YAHUDI..."

"...AKU AKAN MEMBUAT
MERKA DATANG KEPADAMU
DAN SUJUD PADA KAKIMU DAN
MENGAKUI BAHAWA AKU
MENGASIHIMU."



"MERKA YANG MENANG AKAN AKU JADIKAN
SEPERTI TIANG DI BAIT SUCI ALLAH-KU."

"DAN DIA AKAN TETAP
TINGGAL DI SITU..."

KEPADA GEMBALA JEMAAH DI
LAODIKIA, KRISTUS TELAH
MENYIMPAN FIRMAN YANG
PALING KERAS UNTUK KAMU...

KOTA JIRAN MEREKA HIERAPOLIS ITU TERKENAL
DENGAN MATA AIR PANAS MANAKALA KOTA JIRAN
KOLOSE TERKENAL DENGAN MATA AIR SEJUK.

NAMUN DI LAODIKIA, AIRNYA KOTOR DAN SUAM, DATANG
DARI PERPARITAN BAWAH TANAH MENYEBABKAN PARA
PELATAW MELUDAHKAN AIR TERSEBUT.

PUIII!!

"AKU TAHU BAHAWA KAMU INI TIDAK SEJUK, PANAS
PUN TIDAK. SEBAB KAMU SUAM-SUAM SAHAJA,
AKU AKAN MELUDAHKAN KAMU."

KOTA INI ADALAH DI ANTARA YANG
CUKUP KAYA DI ANTARA KOTA-KOTA DI
WILAYAH ITU DAN TERKENAL DENGAN
TIGA INDUSTRI INI: PERBANKAN,
BENANG BULU DAN...

"DENGAN DEMIKIAN
KUNASIHATI KAMU: BELILAH
EMAS DARIPADA-KU, EMAS
TULEN, SUPAYA KAMU KAYA.
BELILAH PAKAIAN PUTIH UNTUK
MENUTUP TUBUHMU YANG
TELANJANG LAGI MENGAIBKAN."

...DAN
UBAT-UBATAN,
TERUTAMANYA
UBAT MATA.

"AKU AKAN MEMBENARKAN MEREKA
YANG MENANG DUDUK DI ATAS
TAKHTA-KU, SEPERTI AKU YANG TELAH
MENANG KINI DUDUK DI SISI BAPA-KU
DI ATAS TAKHTA-NYA."

"...UBAT UNTUK MATAMU SUPAYA
DAPAT MELIHAT."

SETELAH MENGUTUS PESANAN DARI KRISTUS KEPADA SETIAP GEREJA INI, YOHANES TELAH DIBERIKAN PENGLIHATAN SYURGA... HARI-HARI TERAKHIR PLANET BUMI.

"SELEPAS ITU, AKU MELIHAT SEBUAH PINTU TERBUKA DI SYURGA."

"SUARA YANG PERNAH KUDENGAR DAHULU BERKATA KEPADAKU, "MARILAH NAIK KE SINI. AKU AKAN MEMPERLIHATKAN APA YANG PASTI TERJADI KEMUDIAN KELAK."

"SERTA-MERTA ROH MENGUASAIKU. KULIHAT SEBUAH TAKHTA DI SYURGA DAN SEORANG BERSEMAYAM DI ATASNYA."





"DIA YANG BERSEMAYAM ITU BERWAJAH
GILANG-GEMILANG SEPERTI BATU
YASPIS DAN AKIK."

"TAKHTA ITU DIKELILINGI PELANGI
YANG BERSINAR LAKSANA ZAMRUD."

"DI SEKELILING TAKHTA ITU KELIHATAN
DUA PULUH EMPAT BUAH TAKHTA LAIN..."

"DI HADAPAN TAKHTA ITU TERDAPAT
TUJUH PELITA YANG MENYALA..."

DI SEKELILING TAKHTA ITU TERDAPAT EMPAT MAKHLUK.

^[1] SIANG MALAM MEREKA TIDAK HENTI-HENTI MENYANYI:
"SUCI, SUCI, SUCILAH TUHAN ALLAH YANG MAHA KUASA, YANG ADA
DAHULU, YANG ADA SEKARANG DAN YANG AKAN DATANG."





[1] EMPAT MAKLUK ITU PENUH DENGAN MATA. MEREKA BUKANLAH MAHA TAHU – HANYA TUHAN ITU MAHA TAHU. TETAPI MAKLUK INI MEMPUNYAI PENGETAHUAN DAN PERSEPSI YANG CUKUP DALAM.


"KEEMPAT-EMPAT MAKHLUK ITU MEMULIAKAN, MENYANJUNG DAN MENYATAKAN SYUKUR KEPADA DIA YANG DI TAKHTA DAN HIDUP SELAMA-LAMANYA. SAMBIL ITU, DUA PULUH EMPAT PENATUA-PENATUA SUJUD MENYEMBAH DIA YANG HIDUP SELAMA-LAMANYA."





YA TUHAN, YA ALLAH KAMI!
HANYA ENGKAU YANG LAYAK
MENERIMA KEMULIAAN, KEHORMATAN
DAN KUASA, KERANA ENGKAULAH YANG
MENCIPTA SEGALA-GALANYA, DAN DENGAN
KEHENDAK-MU SEGALA-GALANYA
WUJUD DAN DICIPTA.

"KEMUDIAN AKU MELIHAT SEGULUNGAN NASKAH DI TANGAN KANAN DIA YANG BERSEMAYAM DI ATAS TAKHTA ITU. GULUNGAN ITU BERTULIS KEDUA-DUA BELAH DAN DIMATERAI DENGAN TUJUH MATERAI."¹³




SIAPAKAH YANG LAYAK MEMECAHKAN MATERAI DAN MEMBUKA GULUNGAN NASKAH INI?



"NAMUN TIADA SEORANG PUN, BAIK DI SYURGA, BUMI, MAHUPUN DI BAWAH BUMI, YANG TERDAYA MEMBUKA GULUNGAN NASKAH ITU DAN MELIHAT KANDUNGANNYA."



"AKU PUN MENANGIS TERESAK-ESAK KERANA TIADA SEORANG PUN YANG LAYAK MEMBUKA DAN MEMBACA GULUNGAN NASKAH ATAU MELIHAT KANDUNGANNYA."



"KEMUDIAN SALAH SEORANG TUA-TUA ITU BERKATA KEPADAKU:"

JANGAN MENANGIS! LIHATLAH! SINGA DARIPADA SUKU YEHUDA, TUNAS DAUD, TELAH MENANG.

DIA DAPAT MEMECAHKAN TUJUH MATERAI DAN MEMBUKA GULUNGAN NASKAH ITU.




¹³ KEMUNGKINAN BESAR INI ADALAH SURAT HAK KEPEMILIKAN BUMI. SEPERTI DOKUMEN RASMI ROMAWI – IA DIMATERAI DENGAN TUJUH MATERAI.

"SELEPAS ITU KULIHAT ANAK DOMBA BERDIRI DI
TENGAH-TENGAH TAKHTA ITU, DIKELILINGI OLEH
KEEMPAT-EMPAT MAKHLUK DAN PARA PENATUA-PENATUA."



"ANAK DOMBA ITU MEMPUNYAI TUJUH TANDUK DAN
TUJUH MATA, IAITU TUJUH ROH ALLAH YANG TELAH
DIHANTAR KE SELURUH DUNIA."



"ANAK DOMBA ITU MENGAMBIL
GULUNGAN NASKHAH DARI TANGAN
KANAN DIA YANG BERSEMAYAM
DI ATAS TAKHTA."



"KETIKA DIA MENGAMBIL GULUNGAN KITAB
ITU, EMPAT MAHLUK DAN DUA PULUH
EMPAT ORANG PENATUA-PENATUA SUJUD
KEPADA ANAK DOMBA ITU."



"MASING-MASING MEMEGANG
SEBUAH KECAPI DAN SEBUAH
BATIL EMAS BERISI SETANGGI,
IAITU SEGALA DOA ORANG SALIH."

DAN MEREKA
MENYANYIKAN LAGU
BARU...



ENGKAU LAYAK MENGAMBIL
GULUNGAN NASKHAH ITU DAN
MEMBUKA MATERAINYA KERANA ENGKAU TELAH
DIBUNUH, DAN DENGAN DARAH KEMATIAN-MU
ENGKAU TELAH MENEBUS UNTUK ALLAH
MANUSIA DARIPADA SEGALA SUKU,
BAHASA, KAUM, DAN BANGSA.

ENGKAU TELAH
MENJADIKAN MEREKA
SUATU KERAJAAN DAN IMAM-
IMAM ALLAH UNTUK MENYEMBAH
ALLAH KITA DAN
MEMERINTAH DI BUMI."



LALU YOHANES MENYAKSIKAN NYANYIAN YANG TIDAK
PERNAH DILIHAT DI BUMI OLEH JUTAAN MALAIKAT.



ANAK DOMBA
YANG TELAH DISEMBELIH
LAYAK MENERIMA KEKUASAAN,
KEKAYAAN, KEBIJAKSANAAN,
KEKUATAN, KEHORMATAN,
KEMULIAAN DAN PUJI-
PUJIAN!

"KEMUDIAN AKU
MENDENGAR SEMUA
MAKHLUK DI SYURGA..."

"...DI BUMI, DI BAWAH BUMI..."

"...DI DALAM LAUT, DAN SEMUA YANG
ADA DI DALAMNYA, MENYANYI..."



SEGALA PUJI,
KEMULIAAN DAN KUASA KEPADA
DIA YANG DUDUK DI ATAS TAKHTA
DAN KEPADA ANAK DOMBA
UNTUK SELAMA-LAMANYA.





AMIN.

AMIN.

AMIN.



"AKU MELIHAT ANAK DOMBA
ITU MEMECAHKAN MATERAI
PERTAMA DARIPADA
KETUJUH-TUJUH MATERAI ITU."

"LANTAS KUDENGAR SATU
DARIPADA EMPAT MAKHLUK
ITU BERKATA DENGAN SUARA
SEPERTI GURUH, 'MARILAH,
LIHAT!'"

^[1] KUDA PUTIH MELAMBANGKAN SATU ZAMAN YANG AMAN DAN TENTERAM DI BUMI. NAMUN INI KEDAMAIAN YANG DATANG MELALUI MESIAS PALSU DAN ANTIKRISTUS. SELURUH DUNIA MAHU MENGIKUT PENUNGGANG KUDA INI, UNTUK Mencari suatu kedamaian palsu.

^[2] BUSUR PANAH MELAMBANGKAN PEPERANGAN NAMUN KETIADAAN PANAH MENUNJUKKAN BAHAWA KEDAMAIAN INI TELAH DIMENANGKAN MELALUI PERJANJIAN, BUKAN PEPERANGAN.



"AKU MELIHAT SEEKOR
KUDA PUTIH."^[1]

"DITUNGGANG OLEH SEORANG YANG
MEMEGANG BUSUR PANAH. DIA DIBERI SEBUAH
MAHKOTA DAN TAMPIL SEBAGAI SEORANG
PENAKLUK YANG SEDIA UNTUK MENAKLUK."^[2]



"KEMUDIAN ANAK
DOMBA ITU MEMECAHKAN
MATERAI KEDUA DAN
KUDENGAR MAHLUK
KEDUA BERKATA,
'MARILAH, LIHAT!'"

"SEKOR KUDA MERAH
PULA MUNCUL. "

[1] TERJADILAH HOLOCAUST PEPERANGAN
DAN KEKEJAMAN DI BUMI.

INILAH KESAKITAN KELAHIRAN SEPERTI YANG DIKATAKAN
OLEH KRISTUS SEWAKTU DI BUMI.

PADA ZAMAN INI, PEMBUNUHAN
KEJAM ITU PERKARA BIASA.

AKAN TERJADI PEMBERONTAKAN, PEMBUNUHAN
BERAMAI-RAMAI, DAN MANUSIA SALING MEMBUNUH.



"PENUNGGANGNYA DIBERI KUASA UNTUK
MELENYAPKAN DAMAI SEJAHTERA DARIPADA BUMI
DAN MENYEBABKAN MANUSIA SALING MEMBUNUH."^[1]

"DIA DIBERI SEBELAH
PEDANG YANG BESAR."





"KEMUDIAN ANAK DOMBA ITU
MEMECAHKAN MATERAI KETIGA LALU
KUDENGAR MAKLUK KETIGA
BERKATA, 'MARILAH, LIHAT!'"

SECUPAK GANDUM SEKEPING
WANG DINAR HARGANYA, DAN TIGA
CUPAK BARLI JUGA SEKEPING WANG
DINAR HARGANYA, TETAPI MINYAK
DAN AIR ANGGUR ITU JANGAN
KAUROSAKKAN. ^[2]

^[1] PERANG DUNIA AKAN MENGANGGU BEKALAN MAKANAN DAN
MEMBAWA EPIDEMIK KEBULURAN DAN KELAPARAN. DACING
MELAMBANGKAN KEKURANGAN MAKANAN YANG MENYEBABKAN CATUAN
DAN ORANG BERBARIS MENDAPATKAN MAKANAN.

^[2] JUMLAHNYA MENUNJUKKAN BAHWA ORANG AKAN HIDUP KAIS PAGI, MAKAN PAGI,
KAIS PETANG, MAKAN PETANG. BARLI YANG BIASANYA MENJADI MAKANAN HAIWAN,
AKAN DIMAKAN MANUSIA. PRODUK SEPERTI MINYAK DAN WAIN UNTUK MEMASAK
DIANGGAP SEBAGAI BARANG MEWAH.



"AKU MELIHAT SEEKOR KUDA HITAM. PENUNGGANGNYA MEMEGANG DACING." [1]

"AKU MENDENGAR SESUATU SEPERTI SUARA DARI TENGAH-TENGAH MAKHLUK BEREMPAT ITU, BERKATA..."



"KEMUDIAN ANAK DOMBA ITU
MEMECAHKAN MATERAI KEEMPAT.
KUDENGAR MAKLUK KEEMPAT
BERKATA, 'MARI!'"

"AKU MELIHAT SEEKOR KUDA
BERWARNA PUCAT."^[1]

"MEREKA DIBERI KUASA
MEMBUNUH SEPEREMPAT
PENGHUNI BUMI MELALUI
PEPERANGAN, KEBULURAN, WABAK
PENYAKIT DAN SERANGAN
BINATANG BUAS."^[2]

^[1] AKIBAT PEPERANGAN DAN KEBULURAN, MUNCULLAH
BANYAK PENYAKIT DAN WABAK DI SELURUH DUNIA.

^[2] SAMPAI HARI INI, PENYAKIT YANG DISANGKA SUDAH LENYAP MULAI KEMBALI DI
SELURUH DUNIA. KEHANCURAN AKIBAT PEPERANGAN, KEBULURAN DAN PENYAKIT
TELAH MENGORBANKAN DUA PULUH LIMA PERATUS POPULASI BUMI.



"PENUNGGANGNYA BERNAMA MAUT,
DAN ALAM MAUT MENGEKORINYA."



SUPERBIBLE.TV